

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 26 OKTOBER 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 22

Indeks Pelopor catat penurunan pada Ogos

Indeks Pelopor catat penurunan pada Ogos

Indeks Pelopor (IP) Malaysia mencatatkan penurunan marginal sebanyak 0.5 peratus kepada 109.7 mata pada Ogos 2023 berbanding penguncutan 1.0 peratus (109.9 mata) pada Julai 2023, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia.

Indeks Pelopor ialah alat yang digunakan untuk meramalkan arah aliran ekonomi secara purata empat hingga enam bulan ke hadapan.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) turut menjangkakan ekonomi Malaysia terus menyederhana disebabkan oleh ketidaktentuan ekonomi global walaupun permintaan domestik kukuh.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd Uzir Mahidin, berkata empat komponen menyumbang secara positif kepada indeks berkenaan iaitu bilangan unit kediaman yang diluluskan pembinaan yang meningkat 245.7 peratus, diikuti oleh Indeks Perusahaan Bursa Malaysia (15.2 peratus), bilangan syarikat

baharu didaftar (13.1 peratus) dan import benar logam asas berharga dan logam bukan ferus lain (3.6 peratus).

Sebaliknya, import benar semikonduktor menunjukkan penurunan (-31.9 peratus), katanya.

Merujuk kepada senario ekonomi semasa, Jabatan Perangkaan berkata, Indeks Serentak (IS) mencatatkan pertumbuhan 2.1 peratus kepada 123.6 mata pada Ogos 2023 berbanding 121.0 mata pada bulan yang sama tahun sebelumnya.

Peningkatan itu disumbangkan oleh semua komponen kecuali indeks pengeluaran perindustrian yang susut 0.4 peratus.

Perubahan bulanan IS pula mencatatkan peningkatan 0.04 peratus kepada 123.6 mata pada Ogos 2023 berbanding 123.5 mata pada Julai 2023, disokong terutamanya oleh peningkatan jumlah guna tenaga pembuatan sebanyak 0.4 peratus.

BERNAMA



Mohd Uzir Mahidin